



SMK SUNGAI MANIK  
36000 TELUK INTAN, PERAK

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....

.....

.....

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha berjimat untuk aktiviti melancong dan faedah-faedah melancong**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Percutian atau melancong merupakan aktiviti untuk merehatkan diri dan minda setelah penat bekerja. Untuk melancong, kita perlulah melakukan pelbagai perancangan, termasuk persiapan belanjawan agar tidak berlaku pembaziran dan memastikan percutian kita berjalan dengan lancar.

Tabungan yang mencukupi sangat penting untuk bercuti. Jika merancang untuk bercuti, hanya guna duit tabungan yang diasingkan untuk kegunaan bercuti. Apabila hendak bercuti di luar negara pula, pilih negara yang mengadakan promosi pelancongan. Selidik terlebih dahulu tempat-tempat menarik negara itu supaya percutian diisi dengan aktiviti dan pemandangan yang *memberikan kepuasan* percutian yang maksimum. Jika melalui pakej pelancongan, cari pakej pelancongan yang menawarkan harga yang murah tetapi selesa. Biasanya menjelang musim sejuk, negara di Eropah giat mengadakan promosi pelancongan. Seandainya hendak ke negara sejuk pakaian yang bersesuaian perlu disediakan. Sebelum melancong dan bercuti, perlulah merancang perbelanjaan dengan rapi dan teliti yang hendak digunakan semasa melancong. Penyediaan anggaran perbelanjaan harian semasa bercuti, termasuk kos penginapan, makanan, dan pengangkutan adalah sangat penting. Anggaran perbelanjaan ini untuk mengawal perbelanjaan semasa bercuti, terutama jika bercuti di luar negara. Tentukan dengan betul negara, kota atau tempat peranginan yang dilawati sesuai dengan kemampuan kewangan kita.

Sebelum bercuti keperluan utama perlu diadakan supaya tidak kelam kabut pada saat-saat akhir. Pastikan visa dan pasport sudah diperoleh untuk ke luar negara. Jika perlu pemeriksaan kesihatan diselesaikan untuk memastikan kesihatan terjamin. Industri pelancongan banyak bergantung pada keadaan ekonomi sesebuah negara serta permintaan pelancong tempatan atau asing. Oleh itu, adalah lebih baik jika menempah tiket penerbangan atau tiket bas lebih awal, bagi mendapatkan harga yang murah. Tempahan pada saat akhir adalah sangat mahal dan merugikan terutama ketika musim perayaan dan cuti sekolah. Begitu juga dengan tempahan penginapan. Jika bercuti bersama anak-anak, pastikan persiapan makanan dan kelengkapan mereka dimasukkan ke dalam anggaran perbelanjaan. Sebaik sahaja sampai ke destinasi percutian, pastikan mendapatkan peta tempat tersebut bagi mudah mencari tempat dan kosnya. Maklumat ini penting supaya lebih selesa dan mudah bergerak serta merancang aktiviti dan tempat yang bakal dilawati. Selain itu, kita memilih jenis pengangkutan yang sesuai seperti bas atau teksi untuk pergi melawat ke tempat-tempat menarik yang telah ditetapkan.

Pilihan pengangkutan yang paling murah serta pemandu pelancong yang tahu mengenai selok-belok kawasan percutian tersebut dapat menjimatkan kos dan tidak mudah tertipu. Penggunaan kad kredit lebih baik daripada membawa wang tunai yang banyak tetapi lebih baik elakkan menggunakan kad kredit untuk mengelakkan daripada melebihi bajet. Kesimpulannya, perancangan kewangan yang bijak akan menjimatkan percutian malah memberi pulangan yang bermanfaat.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada '*Berjimat Semasa Melancong*' oleh Sidang Pengarang, Ringgit, Nov 2010)

**Soalan 2: Pemahaman**

[ 35 markah ]

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *memberikan kepuasan*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa persediaan awal yang perlu dilakukan sebelum pergi melancong sama ada di dalam negara atau ke luar negara

Nyatakan **tiga** persediaan awal tersebut. [3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah anda dapat membantu menarik lebih banyak pelancong ke negara ini? [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana.”

Saya akur dengan permintaan bonda yang mahu saya menjaga buku-buku itu dengan baik. Kata bonda, hanya insan bernama Munsyi sahaja yang layak menyimpan khazanah lama itu. Lalu, sebaik sahaja tiba di ibu kota, saya berusaha menjejak tempat kediaman sahabat bonda melalui peta yang dibekalkan bonda. Pencarian saya membawa saya ke sebuah perkampungan tradisi di pinggir kota yang merupakan tanah rizab Melayu. Akhirnya, selepas bertanya beberapa kali, saya tiba di sebuah rumah kayu berukir indah dengan pelbagai seni dan corak. Salam saya akhirnya dijawab seorang lelaki berusia emas dengan janggut putih menutupi sebahagian muka yang putih bersih. Pakaiannya lengkap dengan tengkolok dan baju Melayu bersamping bagaikan seorang maharaja pada zaman Kesultanan Melayu. Jari-jemarinya lengkap menggenggam sebilah keris bersarung cantik. Dia memandang saya lama-lama.

“Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?”

Selepas saya memperkenalkan diri, dia mula tersenyum meramahi saya sebelum menjemput saya masuk.

Kami bersalaman erat. Saya menyampaikan salam bonda kepadanya sebelum menghulurkan beg berisi puluhan kitab lama yang saya bawa dari kampung.

(Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’ oleh Husna Nazri dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen di atas, apakah pesanan bonda kepada Mel?

[2 markah]

- (ii) Pada masa ini, bahan-bahan kesusasteraan kurang menarik minat para remaja.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memupuk minat para remaja terhadap bahan-bahan kesusasteraan?

[3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Mel yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** perwatakan Mel yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka.” Maka Patih Gajah Mada pun berlegkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belayarlah.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamakan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya- kaya dan saudagar.

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksaman; maka ia pun fikir di dalam hatinya, “Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia *penjurit besar lagi kepetangan*.”

(Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *penjurit besar lagi kepetangan*.

[2 markah]

- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Kertala Sari setelah sampai ke Melaka?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang sewajarnya dilakukan oleh seseorang jika terlihat pembunuhan berlaku di kawasan berdekatan?

[3 markah]

**Soalan 2 (d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongso  
dari angh ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan

**Teo Wei Sing**

*Antologi Sejadah Rindu*

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan harapan penyajak terhadap anaknya seperti yang digambarkan dalam rangkap ketiga.

[2 markah]

- (ii) Terdapat segelintir masyarakat kini yang menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang-orang tua.

Pada pendapat anda, mengapakah mereka bertindak menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua-tua?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 markah ]

*Jawab semua soalan*

- (a) Tulis **dua ayat** bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) panas
- (ii) cetek
- (iii) luas

[6 markah]

- (b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) Encik Ismail pengarah urusan Syarikat Jaya Murni.
- (ii) Cikgu Aliza akan berpindah ke Pulau Langkawi *pada akhir bulan ini*.
- (iii) Pertandingan pidato sempena Bulan Bahasa diadakan *di Dewan Sigma*.
- (iv) Biskut dan kek yang dibuat oleh kakak mendapat pujian pembeli *kerana dibuat daripada bahan-bahan yang bermutu tinggi*.
- (v) *Periuk tekanan Noxxa* digunakan untuk memasak sup tulang dengan cepat.
- (vi) Penduduk Kampung Sentosa hidup aman damai *melalui semangat kerjasama dan saling memahami antara mereka*.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Mangsa kemalangan jalan raya itu telah dikejar ke hospital dengan menggunakan sebuah ambulan.
- (ii) Pihak swasta turut bertanggungjawab untuk melaksanakan projek membangunkan di tempat-tempat rekreasi yang terdapat di negara kita.
- (iii) Saya amat sukar untuk memahami kata-kata yang diujarkan kerana beliau membicara dengan menggunakan dailek Pantai Timur.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sikap profesion yang ditunjukkan oleh pegawai itu amat dikagumi oleh saya.
- (ii) Pembakaran secara terbuka telah mengakibatkan kuantiti udara merosot di berapa kawasan.
- (iii) Kelas Pendidikan Khas memerlukan jasa pembantu murid kerana kebanyakan murid-murid istimewa ini perlu diberikan perhatian yang khusus.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Rakan-rakan Sharifah tidak menyenanginya di tempat kerja kerana dia hanya akan melakukan tugas-tugasnya apabila disuruh.
- (ii) Jika tidak dipantau dengan sungguh-sungguh, akan ada sahaja peniaga yang akan menaikkan harga barang-barang ekoran kenaikan harga petroleum yang diumumkan itu.
- (iii) Seiring dengan kepesatan teknologi maklumat, kafe siber semakin banyak beroperasi di bandar ini.

[6 markah]

## Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (iii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (v) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (vi) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- (a) Latar tempat memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan cerita dalam sesebuah karya.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua latar tempat** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan nilai keberanian.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**